

PRINSIP KEWANGAN UNTUK PENGURUS BUKAN KEWANGAN



BUTIRAN PROGRAM

FAKULTI	TARIKH/MASA	YURAN *	MOD LATIHAN
Eddy Yap Tat Hiung	22 - 23 July 2026 9.00AM - 5.00PM	RM3,200 USD800 Yuran program boleh dituntut sepenuhnya (100%) di bawah skim HRD Corp. Tertakluk kepada terma dan syarat.	Secara Bersemuka @ Asia School of Business

Nota: *

- Tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 8%.
- Yuran tidak termasuk penginapan di ASB Residential (Kediaman ASB) bagi peserta luar kawasan / luar negara; namun penginapan boleh diuruskan dengan kos tambahan.
- Harga dalam USD adalah harga anggaran sahaja. Semua yuran akan diinvois dalam Ringgit Malaysia (RM). Amaun dalam USD dipaparkan sebagai rujukan sahaja dan tertakluk kepada kadar pertukaran semasa pada tarikh pembayaran.

Gambaran Keseluruhan Program

Kursus ini membekalkan pengurus dan eksekutif organisasi dengan kefahaman kewangan yang praktikal serta teknik analisis asas bagi mentafsir maklumat kewangan, menilai prestasi perniagaan, dan menyokong proses pembuatan keputusan dengan lebih berkesan dan mampan. Peserta akan bermula dengan memahami struktur dan kandungan penyata kewangan sebelum meneliti teknik analisis bagi mengenal pasti trend, isu, dan implikasi prestasi organisasi.

Sepanjang program, peserta akan didedahkan kepada konsep penilaian pelaburan, analisis keuntungan, analisis pulangan modal, serta prinsip belanjawan dan kawalan kewangan. Pembelajaran bertumpu kepada kesan keputusan pengurusan dan operasi terhadap pulangan kewangan yang menjadi asas perancangan, pengawalan kos, penetapan harga, dan pemantauan prestasi.

Dengan pendekatan pembelajaran yang berasaskan aplikasi dan situasi perniagaan yang sebenar, kursus ini membantu para peserta membina kompetensi dan keyakinan dalam menggunakan kewangan sebagai bahasa perniagaan bagi menyokong pengembangan strategik dan pencapaian matlamat organisasi dengan lebih efektif.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir program ini, peserta akan dapat:

- Menerangkan tujuan dan maklumat penyata kewangan organisasi dan hubungan dengan prestasi dan kedudukan kewangan organisasi.
- Menganalisis maklumat kewangan menggunakan teknik analisis asas bagi mengenal pasti trend, isu, dan implikasi prestasi organisasi.
- Menilai keputusan pelaburan dan operasi menggunakan konsep kos, keuntungan, serta pulangan modal bagi pertimbangan pengurusan.
- Mengaplikasikan prinsip belanjawan dan kawalan kewangan untuk menyokong perancangan, pemantauan prestasi, dan pembuatan keputusan organisasi.

Siapa Yang Perlu Hadir

- Pengurus dan eksekutif yang terlibat dalam perancangan, operasi, atau pemantauan prestasi organisasi.
- Ketua jabatan dan penyelia yang perlu memahami implikasi kewangan dalam pembuatan keputusan harian.
- Profesional daripada fungsi operasi, sumber manusia, pemasaran, jualan, perolehan, dan projek yang berhubungkait dengan penggunaan and pulangan sumber organisasi.
- Pegawai dan pengurus yang ingin meningkatkan kefahaman kewangan bagi menyokong perbincangan prestasi dan perancangan strategik dengan lebih berkesan.

Rangka Program

Hari Pertama: Memahami dan Menganalisis Maklumat Kewangan

Modul 1: Asas Kewangan untuk Pengurus

- Peranan kewangan dalam menyokong keputusan pengurusan dan strategik
- Hubungan antara operasi, kewangan dan hasil perniagaan
- Prinsip kewangan dan perakaunan asas untuk pengurus bukan kewangan
- Salah tafsir kewangan yang lazim dalam kalangan pengurus

Modul 2: Memahami Penyata Kedudukan Kewangan

- Tujuan dan struktur penyata kewangan utama organisasi
- Persamaan perakaunan dari perspektif pengurusan
- Konsep modal kerja dan kecairan organisasi
- Kesan keputusan pengurusan terhadap kedudukan kewangan

Modul 3: Memahami Penyata Untung Rugi

- Konsep hasil, kos, sumbangan dan keuntungan
- Tingkah laku kos tetap dan kos berubah
- Faktor utama yang mempengaruhi keuntungan
- Penggunaan penyata untung rugi dalam penilaian prestasi

Modul 4: Analisis Penyata Kewangan

- Objektif analisis kewangan untuk pengurusan
- Analisis menegak bagi memahami struktur kewangan
- Analisis mendatar untuk mengenal pasti trend prestasi
- Mengenal pasti petunjuk risiko dan isu tersembunyi

Hari Kedua: Keputusan Pelaburan dan Perancangan Kewangan

Modul 5: Prinsip Penilaian Pelaburan

- Kepentingan penilaian kewangan dalam keputusan pelaburan
- Konsep nilai masa wang dan pulangan pelaburan
- Hubungan antara risiko dan pulangan
- Pertimbangan penciptaan nilai dan kelestarian organisasi

Modul 6: Teknik Penilaian Pelaburan

- Accounting Rate of Return (ARR) dan Tempoh Pulangan Modal
- Net Present Value (NPV) dalam menilai penciptaan nilai
- Internal Rate of Return (IRR) untuk perbandingan projek
- Indeks Keuntungan bagi pemeringkatan pelaburan

Modul 7: Analisis Kos–Isipadu–Untung dan Titik Pulang Modal

- Margin sumbangan dan nisbah sumbangan
- Analisis titik pulang modal bagi perancangan keuntungan
- Margin keselamatan dan leverage operasi
- Aplikasi CVP dalam keputusan harga, kos dan volum

Modul 8: Belanjawan dan Kawalan Kewangan

- Peranan belanjawan dalam perancangan dan kawalan
- Komponen utama belanjawan operasi
- Pertimbangan tingkah laku dalam proses belanjawan
- Penggunaan maklumat belanjawan untuk pemantauan prestasi

Fakulti



Profesor Madya Dr Eddy Yap ialah seorang Akauntan Bertauliah dan Juruaudit Dalam Bertauliah yang memiliki PhD dalam bidang Kewangan serta hampir tiga dekad pengalaman profesional merangkumi perakaunan dan kewangan, pengauditan, perundingan, serta kepimpinan korporat.

Sebagai Pengasas dan Pengarah Urusan CONDUCTIVITI Business Advisory Sdn Bhd, beliau terlibat dalam penambahbaikan prestasi strategik, kewangan dan operasi organisasi klien korporat. Penglibatan perundingannya merangkumi sektor awam dan swasta dalam persekitaran multidisiplin yang membantu organisasi memperkukuh amalan kerja bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan.

Beliau diiktiraf secara meluas dalam bidang tadbir urus, pengurusan risiko dan pematuhan (GRC), melalui sumbangan kepada penerbitan teknikal di peringkat nasional dan antarabangsa. Beliau merupakan penulis teknikal *Guidance for an Effective Internal Audit Function 2.0* yang diterbitkan oleh The Institute of Internal Auditors Malaysia dan disokong Kementerian Kewangan Malaysia, serta penulis *Bank Audit Practices* yang diterbitkan oleh Asian Institute of Chartered Bankers. Beliau turut menyumbang kepada penerbitan utama di peringkat nasional, termasuk *Statement of Risk Management and Internal Control: Guidance for Directors of Public Listed Companies*, *FAQ on Internal Review of Sustainability Statement*, serta penerbitan antarabangsa *IIA Quality Assessment Manual*.

Sebagai penceramah dan jurulatih yang mewakili badan pengawal selia dan profesional, beliau menyampaikan program dalam pengurusan dan analisis kewangan, kos dan belanjawan, serta pengauditan – yang menyokong keperluan pembangunan profesional berterusan. Program beliau yang lain dalam bidang perundingan dan mempengaruhi, serta pemikiran kreatif dan kritikal – melengkapkan kompetensi teknikal yang diperlukan bagi pengurusan yang berkesan. Beliau sering dihargai kerana mempunyai keupayaan dalam memudahkan konsep yang kompleks supaya menjadi lebih praktikal dan mudah difahami oleh peserta dari pelbagai latar belakang.

Beliau juga menyandang jawatan Profesor Madya di University of Wollongong Malaysia, ahli akademik jemputan di beberapa universiti, serta Felo ELITE di Universiti Malaya. Penyelidikan beliau telah diterbitkan dalam jurnal antarabangsa berwasit dalam bidang ekonomi kewangan, prestasi firma dan pasaran modal, serta Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), dan beliau mencapai pengiktirafan AACSB Scholarly Academic dan Practice Academic.

Beliau juga berfungsi sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan Pengerusi Jawatankuasa Audit bagi sebuah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia.



Asia School of Business (DU046(W))

Iclif Executive Education Center

ASB Academic, No 11, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Email: ExecEd@asb.edu.my

exec.asb.edu.my



[asbiclif](#)



[@asb.iclif](#)



[asbiclif](#)



[asb iclif](#)

SCAN ME



Prinsip Kewangan untuk
Pengurus Bukan Kewangan

